



**TAJUK KHUTBAH JUMAAT**

**Siri: 27/2023**

**GHURUR: TIPUDAYA YANG MESTI DIHINDARI**

**7 Julai 2023**

*Bersamaan*

**18 Zulhijjah 1444**

**DIKELUARKAN OLEH:**

**JABATAN HAL EHWAL AGAMA  
TERENGGANU**

**PERINGATAN:**

Adalah diingatkan bahawa sebarang penambahan dan pemindaan terhadap isi kandungan teks khutbah yang telah disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu adalah **DILARANG**.

Khatib yang bertugas hendaklah menyemak kembali **RUKUN, AYAT AL-QURAN** dan helaian muka surat yang diterima. Pastikan teks dibaca terlebih dahulu sebelum menyampaikan khutbah.

## KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي هَدَانَا لِهَذَا وَمَا كُنَّا لِنَهْتَدِيَ لَوْلَا أَنْ هَدَانَا اللَّهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ النَّبِيِّ الْأَمِينِ،

وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أُوصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ عَزَّ

وَجَلَّ، وَالْعَمَلِ بِطَاعَتِهِ وَالْبُعْدِ عَنِ أَسْبَابِ غَضَبِهِ.

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Marilah sama-sama kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah-Nya, dan juga bersungguh-sungguh meninggalkan segala larangan-Nya.

Ingatlah, hanya dengan bertakwa kepada Allah SWT, setiap manusia akan memperoleh rahmat untuk tergolong dalam kalangan hamba-Nya yang berjaya di dunia dan akhirat.

## **Sidang Jumaat yang dikasihi,**

Pada hari Jumaat yang penuh keberkatan ini, khatib menyeru kepada semua agar dapat memberi tumpuan terhadap khutbah yang bertajuk:

**“GHURUR: TIPUDAYA YANG MESTI DIHINDARI”.**

Secara mudah, perkataan Ghurur bermaksud tipu daya. Ia merupakan penyakit hati yang boleh dihidapi oleh sesiapa sahaja dalam kalangan manusia. Malah sebenarnya kehidupan kita di atas dunia ini juga disifatkan sebagai satu bentuk tipu daya bagi mereka yang tidak memahami hakikat bahawa kehidupan dunia hanyalah sementara.

Allah SWT berfirman dalam Surah al-Hadid, ayat 20:

وَمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا إِلَّا مَتَاعُ الْغُرُورِ

**Maksudnya:** Dan ingatlah bahawa kehidupan dunia ini tidak lain hanyalah kesenangan bagi golongan yang terpedaya.

Selain itu, Ghurur juga boleh berada dalam diri seseorang insan yang terpedaya melihat kebaikan dilakukan oleh dirinya sendiri. Keadaan ini terjadi apabila seseorang mengaku dirinya mempunyai kehebatan dan kelebihan tertentu, serta memandang rendah terhadap orang lain. Lebih dahsyat lagi, penyakit Ghurur melibatkan perbuatan zalim, menghina serta memperkecilkan orang lain. Ini disebabkan sangkaan bahawa diri sendiri jauh lebih baik berbanding dengan orang lain.

## **Sidang Jumaat yang berbahagia,**

Ghurur adalah jarum halus syaitan yang digunakan untuk menyesatkan manusia. Syaitan tidak hanya berusaha untuk menyesatkan orang yang lalai dalam kemaksiatan, tetapi juga berusaha untuk memperdayakan manusia menerusi kebaikan yang dilakukan.

Hal ini dijelaskan oleh Allah SWT menerusi firman-Nya dalam Surah Luqman, ayat 33:

إِنَّ وَعْدَ اللَّهِ حَقٌّ ۖ فَلَا تَغُرَّنَّكُمُ الْحَيَاةُ الدُّنْيَا وَلَا يَغُرَّنَّكُم بِاللَّهِ الْغُرُورُ

**Maksudnya:** Sesungguhnya janji Allah itu adalah benar, maka janganlah kamu diperdayakan oleh kehidupan dunia, dan jangan pula kamu diperdayakan oleh bisikan dan ajakan syaitan yang menyebabkan kamu berani melanggar perintah Allah.

## **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Ghurur adalah penyakit berbahaya yang boleh menimpa sesiapa sahaja. Imam al-Ghazali menyebut dalam kitab Ihya' Ulumiddin, kelompok ilmuwan boleh tertipu dengan ilmunya, ahli ibadat ada yang terpedaya dengan amal ibadahnya, begitu juga golongan hartawan yang terpedaya dengan harta kekayaan serta kebajikan yang dilakukannya.

Orang yang berilmu boleh ada perasaan dirinya jauh lebih hebat daripada orang lain. Lalu membawa kepada percanggahan pandangan tanpa sempadan kerana melihat orang lain semuanya salah, hanya dirinya sahaja yang betul dan paling berilmu.

Orang yang banyak beribadah juga tidak terlepas daripada keadaan menyangka bahawa dirinya yang paling dekat dengan Allah SWT. Wujud juga golongan yang gemar menunjukkan amal ibadah yang dilakukan dalam media sosial agar mendapat pujian manusia.

Kesemua perkara tersebut boleh merosakkan amalan, dan ini berlaku disebabkan Ghurur. Oleh itu, umat Islam diingatkan oleh Allah SWT dalam banyak ayat al-Quran tentang bahaya Ghurur. Pengulangan perkataan Ghurur dalam al-Quran memberi petunjuk pentingnya setiap umat Islam menjaga diri daripada menghidap penyakit Ghurur.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Terdapat banyak langkah yang boleh diambil untuk menyelamatkan diri daripada Ghurur, antaranya ialah:

#### **Pertama: Berusaha menambah pengetahuan tentang pelbagai penyakit hati**

Setiap orang Islam perlu berusaha menambah ilmu untuk lebih mengenali jenis-jenis penyakit yang bertapak di dalam hati manusia, berdasarkan sumber yang muktabar. Seseorang yang mengenali selok belok penyakit hati tidak akan mudah terlibat dengan penyakit Ghurur. Hal ini kerana orang yang mempunyai pengetahuan tentang penyakit hati sahajalah yang mampu menghindari diri daripada tipudaya ghurur.

## **Kedua: Sentiasa melakukan penyucian jiwa (tazkiyah an-nafs)**

Nafsu yang ada dalam diri manusia perlu dikawal dengan panduan syarak agar tidak melakukan pelbagai jenis dosa dan maksiat. Oleh itu, diri memerlukan rawatan penyucian jiwa dengan melakukan amalan-amalan baik sepertimana yang ditunjukkan dalam al-Quran dan hadis Rasulullah SAW.

Rasulullah SAW telah menunjukkan cara untuk melakukan tazkiyah an-nafs dengan antaranya memohon doa perlindungan kepada Allah SWT.

اللَّهُمَّ آتِ نَفْسِي تَقْوَاهَا وَزَكِّهَا أَنْتَ خَيْرُ مَنْ زَكَّاهَا أَنْتَ وَلِيُّهَا  
وَمَوْلَاهَا

**Maksudnya:** Ya Allah, anugerahkanlah kepada jiwaku ketakwaan, dan sucikanlah jiwaku dengan ketakwaan itu, Engkaulah sebaik-baik yang mensucikannya, dan Engkaulah yang menjaga serta melindunginya.

(Hadis riwayat Muslim)

## **Ketiga: Meletakkan orang lain lebih baik daripada diri sendiri**

Penyakit Ghurur adalah penyakit hati yang perlu diubati dengan cara mendidik diri agar sentiasa bersifat tawaduk. Sesungguhnya sifat tawaduk dapat menghilangkan perasaan sombong dalam diri yang sanggup merendah-rendahkan orang lain. Seorang sahabat Rasulullah SAW bernama Abdullah al-Muzani menyatakan bahawa iblis memberikan was-was kepada seseorang Muslim dengan mengatakan bahawa dirinya lebih mulia daripada Muslim lain. Inilah antara punca penyakit Ghurur semakin merebak dalam jiwa manusia.

#### **Keempat: Banyak mengingat kematian**

Sesungguhnya dengan mengingat kematian, seseorang akan dapat mengawal diri daripada loba terhadap nikmat dunia. Nasihat agar mengingat kematian dinyatakan oleh Rasulullah SAW dalam hadis:

أَكْثَرُوا ذِكْرَ هَازِمِ اللَّذَاتِ يَعْني الْمَوْتِ

“Perbanyaklah mengingat pemutus segala kenikmatan iaitu kematian.”

(Hadis riwayat at-Tirmidzi)

Kesimpulannya, setiap Muslim perlu memelihara diri daripada terjebak dengan penyakit Ghurur. Setiap orang yang beriman pasti akan diuji oleh Allah SWT. Ghurur merupakan satu bentuk ujian untuk menentukan tahap keimanan seseorang kepada Allah SWT. Orang yang terlibat dengan Ghurur akan termasuk dalam kalangan orang yang rugi kerana mensia-siakan amalan baik yang dicemari dengan kemungkarannya disebabkan riak, bangga diri, tidak ikhlas dan sebagainya.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا إِلَّا لَعِبٌ وَلَهْوٌ وَلَلْآخِرَةُ خَيْرٌ لِّ الَّذِينَ يَنْقُوتُونَ أَفَلَا

تَعْقِلُونَ ﴿٣٢﴾

**Maksudnya:** Dan tidak dinamakan kehidupan dunia melainkan permainan yang sia-sia dan hiburan yang melalaikan; dan demi sesungguhnya negeri akhirat itu lebih baik bagi orang yang bertakwa. Oleh itu, tidakkah kamu mahu berfikir?

(Surah al-An'am, ayat 32)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،  
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،  
وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ،  
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ،  
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ،  
إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

**Sidang Jumaat yang dikasihi.**

Marilah juga kita memperbanyakkan ucapan selawat dan salam kepada Rasulullah SAW sebagaimana firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا  
إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ،  
إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ مَا لَا يَصْرِفُهُ غَيْرُكَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُودُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُدَامِ وَمِنَ السَّيِّئِ الْأَسْقَامِ. اللَّهُمَّ  
اشْفِ مَرَضَانَا وَارْحَمْ مَوْتَانَا، وَالطُّفَّ بِنَا فِيمَا نَزَلَ بِنَا.

اللَّهُمَّ احْفَظْ مَوْلَانَا الْوَائِقَ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنِ الْعَابِدِينَ، ابْنَ الْمَرْحُومِ  
السُّلْطَانَ مُحَمَّدٍ الْمُكْتَفَى بِاللَّهِ شَاهٍ، وَأَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَيْهِ وَعَلَى السُّلْطَانَةِ نُورِ  
زَاهِرَةَ، سُلْطَانَةَ تَرَغْكَانُو.

وَاحْفَظْ أَوْلَادَهُ وَأَهْلَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ،  
بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ وَلِيَّ الْعَهْدِ تَعَكُّو مُحَمَّدَ إِسْمَاعِيلَ ابْنَ الْوَائِقِ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ  
زَيْنِ الْعَابِدِينَ.

**Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim.**

Perbaikilah hubungan di antara kami dengan penuh kasih sayang. Anugerahkanlah kepada kami kesihatan dan keafiatan. Kurniakanlah kepada kami nikmat keamanan, keselamatan dan kesejahteraan yang berterusan. Lindungilah kami daripada segala keburukan dan keaiban. Hindarkanlah kami daripada sebarang bentuk kemungkaran dan kemaksiatan .

**Ya Allah,**

Limpahkanlah dalam kehidupan keluarga kami ketenangan dan kebahagiaan. Semaikanlah semangat muafakat dalam kejiranan dan qaryah kami. Suburkanlah para belia dan remaja kami jiwa yang mantap, iman yang teguh, ilmu yang bermanfaat, akhlak yang mulia, hormat-menghormati dan mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan. Jauhkanlah mereka daripada perkara-perkara yang boleh menjatuhkan maruah diri, keluarga dan negara .

**Ya Allah ,**

Kami pohon kehadiran-Mu agar mantapkanlah pegangan kami menurut ajaran Ahli Sunnah Waljamaah dan peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng dan sesat. Bukakanlah hati kami untuk istiqamah melaksanakan perintah-Mu dengan terbaik terutamanya mendirikan solat fardu lima waktu, menunaikan zakat dan kefarduan yang lain. Berkatilah hidup golongan yang melaksanakan zakat dan menyayangi fakir miskin serta mereka yang menginfakkan harta untuk pembangunan umat Islam Terengganu dengan ganjaran pahala yang berganda .

Demikian juga Ya Allah, tambah dan luaskanlah rezeki orang yang mewakafkan hartanya. Terimalah wakaf mereka dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

**Ya Allah ,**

Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa. Kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kepada kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam khususnya di negeri Terengganu, sebagai sebuah negeri yang aman damai, maju lagi diberkati. Bukakanlah pintu-pintu rezeki dari segala penjuru. Jaukanlah negeri kami ini dan negara umat Islam seluruhnya daripada segala malapetaka, musibah dan apa jua kemurkaan-Mu. Amin ,

يا الله، يا أرحم الراحمين

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ .  
وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ .  
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ .

عِبَادَ اللهِ!

أَذْكُرُوا اللهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ،  
وَلَذِكْرُ اللهِ أَكْبَرُ، وَاللهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ .  
قُومُوا إِلَى صَلَاتِكُمْ، يَرْحَمْكُمْ اللهُ .